

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

TARIKH :

SOALAN :

YB Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan tindakan yang sentiasa diambil oleh Kementerian di dalam mengawal wabak penyakit Malaria dan denggi semasa musim banjir ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh 2010 hingga 2016, tren penyakit Malaria telah menunjukkan penurunan yang amat ketara. Sepanjang tempoh tersebut, kes malaria tempatan iaitu transmisi penyakit malaria yang berlaku di Malaysia telah menunjukkan penurunan sebanyak 94% (4,890 kes) dengan hanya 304 kes malaria tempatan dilaporkan pada tahun 2016 berbanding dengan 5,194 kes pada tahun 2010.

Di Malaysia, analisa menunjukkan kejadian kes malaria tempatan hanya berlaku di kawasan pendalaman dan tiada peningkatan kes yang ketara susulan kejadian banjir yang berlaku.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa gigih dalam mengawal kejadian kes malaria tempatan. Ini termasuk membangunkan Pelan Strategik Eliminasi Malaria Kebangsaan (PSEMK) (2011-2020) bagi membendung kejadian kes malaria demi memastikan komitmen negara Malaysia Bebas Malaria menjelang 2020 menjadi kenyataan. Tujuh strategi dilaksanakan dalam PSEMK termasuk Pengukuhan Survelans kejadian kes malaria, Kawalan Vektor melalui pendekatan *Integrated Vector Management* (IVM), Pengesanan Awal Kesan dan Rawatan Segera, Kesiapsiagaan dan Respon Wabak, Komunikasi dan Mobilisasi Sosial, Pembangunan Kapasiti di kalangan anggota Kementerian Kesihatan dalam pengurusan kes malaria dan Penyelidikan Lapangan.

KKM juga sentiasa aktif dan bersiapsiaga dalam menangani masalah penularan Demam Denggi semasa musim banjir. Aktiviti pencegahan dan kawalan Demam Denggi di pusat-pusat pemindahan mangsa banjir seperti cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk Aedes, semburan larvasiding dan menasihatkan mangsa menggunakan kelambu dan repelen. Kementerian Kesihatan juga menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan di tempat-tempat berkenaan bagi mengesan kes Demam Denggi awal supaya tindakan kawalan dapat diambil dengan segera.